

Hari Haiwan Sedunia di UMS 5-6 Oktober

UB 30.9.18 A2

Oleh HENRY BATING

KOTA KINABALU: Hari Haiwan Sedunia yang bertujuan meningkatkan kesedaran ramai tentang kebajikan haiwan di negeri ini akan diadakan pada 5-6 Oktober di Auditorium Perpustakaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Pengerusi Penganjur Anna Lyn berkata sambutan yang melibatkan ceramah, forum dan pameran itu dibuka kepada umum khususnya kalangan pelajar sekolah bagi menghayati pelbagai aktiviti bertemakan ‘Making a Better Future for Animals’.

“Acara pada 5 Oktober akan dimulakan dengan sesi ceramah dan forum serta pameran oleh pelbagai agensi

kerajaan dan badan bukan kerajaan serta kempen derma darah,” katanya.

Sambutan itu dianjurkan bersama oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (Karib) UMS, Borneo Animal Welfare Society Sabah (BAWSS), International Aid for Protection & Welfare for Animals (IAPWA) dan ditaja oleh The Animal Kingdom Sdn Bhd.

Pada 6 Oktober, sambutan diteruskan dengan pameran gerai-gerai tentang pelbagai maklumat dan usaha yang telah dijalankan untuk meningkatkan kebajikan kehidupan haiwan.

Turut memeriahkan sambutan itu nanti ialah ‘Food Truck’ dan tiket bertuah untuk memberi ruang kepada hadirin membeli serta memenangi hadiah-hadiah yang disediakan.